



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PENGGUNAAN MEDIA BERCETAK
OLEH GURU PELATIH DI PUSAT SUMBER
MAKTAKB PERGURUAN**

TAN TECK SENG

FPP 1998 21

**PENGGUNAAN MEDIA BERCETAK
OLEH GURU PELATIH DI PUSAT SUMBER
MAKTAB PERGURUAN.**

Oleh

TAN TECK SENG

**Kertas Projek ini dikemukakan untuk memenuhi
sebahagian daripada syarat bagi mendapatkan Ijazah Master Sains
di Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia,
Serdang, Selangor Darul Ehsan.**

Mei 1998



PENGHARGAAN

Kertas projek ini berjaya disiapkan dengan adanya bantuan dan sokongan daripada pelbagai pihak. Penulis sangat terhutang budi kepada pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam usaha penulis menyempurnakan kertas projek ini.

Sebagai penghargaan, diucapkan jutaan terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Zakaria Kasa, selaku penyelia yang telah banyak memberikan bimbingan dan tunjuk ajar serta panduan yang amat berguna dalam usaha saya untuk menyiapkan tulisan ilmiah ini. Kesabaran, dedikasi dan komitmen beliau dalam melaksanakan tugas ini amat dihargai.

Terima kasih juga, kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia yang membenarkan penulis menjalankan kajian. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Pengetua, Maktab Penguruan Teknik dan guru pelatih yang terlibat kerana telah memberi kerjasama yang amat baik kepada saya untuk melaksanakan kajian ini.

Ingatan yang tulus ikhlas buat isteri tersayang - Ang Bee Hong, yang sama-sama mengejar cita-cita murni ini serta banyak berkorban sepanjang pengajian saya di universiti. Semoga kejayaan ini akan menjadi inspirasi kepada beliau untuk menjadi insan yang berilmu dan bertakwa.

Akhir sekali, penyempurnaan kertas projek ini hanya dapat menjadi kenyataan dengan adanya bimbingan, tunjuk ajar, dorongan dan kerjasama daripada semua pihak yang tersebut di atas. Kepada mereka semua, penulis mengabadikan kertas projek ini.

TAN TECK SENG
NO. 14, LEBUH BEDARA,
OFF TELOK GADONG,
41100 KLANG,
SELANGOR DARUL EHSAN.

KANDUNGAN

Halaman

PENGHARGAAN.....	ii
KANDUNGAN.....	iv
SENARAI JADUAL	vii
ABSTRAK.....	viii
ABSTRACT.....	x

BAB

I PENDAHULUAN	
Pengenalan.....	1
Pernyataan Masalah.....	2
Objektif Kajian.....	3
Kepentingan Kajian.....	4
Batasan Kajian.....	5
Definisi Istilah.....	5
Media Bercetak.....	5
Guru Pelatih.....	7
Pusat Sumber.....	8
II TINJAUAN BAHAN-BAHAN BACAAN	
Pengenalan.....	12
Matlamat Pusat Sumber.....	13
Tujuan Dan Objektif Pusat Sumber.....	14
Perkaitan Penggunaan Pusat Sumber Dan Pengajaran	
Pembelajaran.....	16
Tujuan Pelajar Menggunakan Pusat Sumber.....	18
Masalah Dalam Penggunaan Pusat Sumber.....	21
III METODOLOGI KAJIAN	
Pengenalan.....	27
Reka Bentuk Kajian.....	27
Sampel Kajian.....	28
Instrumen Kajian.....	29
Kajian Rintis.....	29
Pengumpulan Data.....	30
Penganalisan Data.....	30

IV	DAPATAN KAJIAN	
	Pengenalan.....	31
	Profil Responden.....	31
	Kekerapan Penggunaan Media Bercetak.....	35
	Media Bercetak Mengikut Bahasa.....	39
	Tujuan Penggunaan Media Bercetak.....	40
	Masalah Penggunaan Media Bercetak.....	43
V	PERBINCANGAN DAN CADANGAN	
	Pengenalan.....	45
	Rumusan.....	45
	Perbincangan.....	47
	Cadangan.....	56
	Cadangan Kajian Lanjutan.....	58
	BIBLIOGRAFI	59
LAMPIRAN		
	A : Lantikan Penyelia dan Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan.....	66
	B : Soal Selidik (Bahagian A dan Bahagian B).....	70

SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
1. Taburan Responden Mengikut Opsyen.....	32
2. Min dan Sisihan Piawai Penggunaan Media Bercetak.....	33
3. Kekerapan Penggunaan Media Bercetak.....	35
4. Min dan Sisihan Piawai Penggunaan Media Bercetak Mengikut Bahasa.....	37
5. Penggunaan Media Bercetak Bahasa Malaysia Mengikut Opsyen.....	38
6. Penggunaan Media Bercetak Bahasa Inggeris Mengikut Opsyen.....	39
7. Tujuan Penggunaan Media Bercetak.....	40
8. Min dan Sisihan Piawai Masalah Penggunaan Media Bercetak.....	42
9. Masalah Penggunaan Media Bercetak.....	43

Abstrak projek yang dikemukakan kepada Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian syarat bagi mendapatkan Ijazah Master Sains.

**PENGGUNAAN MEDIA BER CETAK
OLEH GURU PELATIH DI PUSAT SUMBER
MAKTAB PERGURUAN**

Oleh
TAN TECK SENG

Mei 1998

Penyelia : Profesor Madya Zakaria Kasa, Ph.D.

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti sejauh mana penggunaan media bercetak oleh guru pelatih di pusat sumber Maktab Perguruan Teknik. Kajian dijalankan ke atas 194 sampel orang guru pelatih semester satu, dua dan tiga daripada 11 opsyen yang berlainan. Hasil kajian menunjukkan penggunaan yang agak memuaskan untuk surat khabar, majalah dan media yang berkaitan dengan bahasa. Penggunaan media bercetak yang lain adalah kurang memuaskan. Media bercetak Bahasa Malaysia paling kerap digunakan oleh guru pelatih manakala media bercetak Bahasa Inggeris adalah di bawah tahap memuaskan. Dari segi tujuan

penggunaan media bercetak , ramai guru pelatih menggunakan media bercetak untuk membuat kerja-kerja kursus dan sebagai rujukan untuk menghadapi peperiksaan. Masalah utama yang dihadapi oleh responden ialah kekurangan buku yang berkaitan dengan sukanan pelajaran kursus opsyen dan bilangan buku tanda merah yang terhad. Di samping itu responden juga menghadapi masalah media yang lama dan tidak tersusun. Bahan dalam Bahasa Inggeris dan tempat membaca yang kurang selesa juga merupakan masalah yang kerap dihadapi oleh guru pelatih. Cadangan juga dikemukakan kepada pihak-pihak tertentu untuk menggalakkan penggunaan media bercetak di kalangan guru pelatih di samping mengatasi masalah yang telah dikenal pasti.

An abstract of the project presented to the Faculty of Educational Studies, of
Universiti Putra Malaysia in partial fulfillment of the requirements for the Degree of
Master Of Science.

**THE USE OF PRINTED MEDIA BY
TEACHER TRAINEES IN THE RESOURCE CENTRE
OF THE TECHNICAL TEACHERS' TRAINING COLLEGE.**

By
TAN TECK SENG

May 1998

Supervisor : Associate Professor Zakaria Kasa, Ph.D.

Faculty : Educational Studies

This research was carried out to identify the extent of the use of printed media by teacher trainees in the resource centre of the Technical Teachers' Training College. The study was carried out on 194 teacher trainees from semester one, two and three from 11 different options. The results of the study showed that the use of newspaper, magazines and media related to language was satisfactory. The use of other printed media was less than satisfactory. Printed media in the Bahasa Malaysia language was widely used, while those in the English language was below the level of satisfaction. The aim of most teacher trainees in using the printed media was to help them to do their course work and served as a source of reference to prepare

for their examinations. The major problems encountered by the respondents are the lack of books related to the course and the lack of books that are red spotted. Meanwhile respondents also faced the problem of media that are out-dated and are not arranged in an orderly manner. Materials that are mainly in the English language and the uncondusive environment for studies are some of the other problems often encountered by the teacher trainees. Recommendations are also forwarded on how to encourage the use of printed media among the teacher trainees and also to overcome the problems that have been identified.

BAB I

PENDAHULUAN

Pengenalan

Sejak 1988, dengan pengistiharannya “Tahun Pembaca”, pihak kerajaan telah memberi keperihatinan yang serius untuk membudayakan tabiat membaca di kalangan semua lapisan masyarakat. Membaca adalah salah satu aspek penting dalam proses pembelajaran bagi seseorang pelajar. Kemahiran membaca perlu dikuasai bukan sahaja sebagai salah satu kemahiran bahasa malah sebagai kemahiran asas bagi perkembangan daya intelek mereka dan pembelajaran seterusnya. Kegagalan murid menguasai kemahiran ini di peringkat awal persekolahan akan membantuarkan perkembangan intelektual mereka.

Seseorang yang suka membaca biasanya mempunyai pengetahuan dan maklumat tentang perkembangan yang terdapat di sekitarnya atau di negaranya. Orang yang gemar membaca akan menjadi manusia yang berilmu dan mereka ini sukar digoncang pendiriannya.

Kebanyakan penyelidikan yang dijalankan menunjukkan bahawa minat dalam bidang bacaan mempunyai pertalian dengan pencapaian dalam bidang

pelajaran yang lain. Dalam erti kata yang lain, minat serta kebolehan membaca inimempunyai hubungan langsung dan mempengaruhi pencapaian dalam mata pelajaran yang diajarkan di sekolah dan institusi pendidikan yang lain (Sofiah Hamid 1986). Dalam hal ini pembacaan dilihat sebagai satu cara memperolehi ilmu.

Menyedari akan kepentingan pembacaan ini, penggunaan media bercetak di Pusat Sumber perlu diberi perhatian. Mengikut Trump (1961), “The heart of the schools will be the learning resource centres for students and the instructional materials centres for teachers. These are places where students and teachers will be able to do intensive and extensive study”. Pengenalan KBSR dan diikuti dengan KBSM telah menekankan penggunaan pelbagai bahan atau sumber pendidikan. Perlaksanaan KBSR dan KBSM memerlukan penggunaan teknologi pendidikan dengan cemerlang. Dalam hubungan ini, Pusat Sumber tidak dapat lari dalam memainkan peranan yang penting untuk menjayakan penyebaran maklumat dan amalan budaya ilmu (Latif 1992). Walaupun demikian terdapat pelbagai laporan yang menyatakan penggunaan Pusat Sumber dengan sempurna dan secara sepada dalam proses pengajaran dan pembelajaran masih berada di tahap yang rendah (Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan 1987; Asiah 1990; Ismail 1990; Mazlan 1991).

Pernyataan Masalah

Pusat Sumber ialah satu-satunya tempat guru pelatih mencari bahan dan maklumat untuk kerja akademik di samping peningkatan ilmu mereka.

Keberkesanan penggunaan Pusat Sumber bergantung kepada keperluan guru pelatih sebagai pengguna utama dan keupayaan Pusat Sumber dalam memenuhi keperluan penggunanya. Guru yang bakal dilahirkan oleh institusi penguruan ini akan menentukan arah tujuan pusat sumber di sekolah nanti. Namun sehingga kini masih kurang nyata trend penggunaan guru pelatih dari segi jenis bahan, tujuan dan masalah yang dihadapi. Penilaian penggunaan Pusat Sumber Maktab merupakan satu aspek yang penting dan tidak boleh diabaikan oleh pegawai Pusat Sumber. Penilaian seperti ini merupakan satu ukuran untuk mengkaji dan mengetahui keberkesanan penggunaan Pusat Sumber Maktab.

Objektif Kajian

Berdasarkan kepada permasalahan yang dikemukakan ini, objektif kajian ini adalah untuk :-

1. mengenal pasti jenis-jenis media bercetak yang digunakan oleh guru pelatih di Pusat Sumber Maktab.
2. meninjau sejauh mana penggunaan media bercetak mengikut bahasa di kalangan guru pelatih.
3. mengenal pasti tujuan guru pelatih menggunakan media bercetak di Pusat Sumber Maktab.

4. mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh guru pelatih berhubung dengan penggunaan media bercetak di Pusat Sumber Maktab.

Kepentingan Kajian

Diharapkan dapatan kajian ini dapat memberi gambaran yang lebih jelas kepada pihak pensyarah tentang pertalian di antara penggunaan Pusat Sumber dengan proses pembelajaran guru pelatih di maktab. Maklumat yang diperolehi ini seterusnya dapat digunakan oleh para pendidik untuk menggunakan Pusat Sumber sebagai satu saluran bagi mempertingkatkan pengajaran pembelajaran.

Hasil kajian ini juga merupakan satu ukuran untuk menilai dan mengetahui keberkesanan penggunaan Pusat Sumber Maktab. Dengan hasil dapatan kajian, pihak pentadbir maktab boleh mendapat maklum balas mengenai perkhidmatan penggunaan dan keberkesanannya kepada pengguna. Mereka dapat juga menentukan kekurangan dan kelebihan sistem dan cara penggunaan Pusat Sumber Maktab. Ini akan membantu pihak tersebut membuat rancangan masa depan supaya penggunaan itu menjadi lebih berkesan.

Warga Pusat Sumber Maktab perlu mengenal siapa pengguna, kehendak dan keperluan maklumat mereka. Analisis keperluan pengguna perlu dikenalpasti dari masa ke semasa untuk mengetahuinya. Pihak luar seperti penerbit dan syarikat pengeluar media bercetak juga boleh mengenal pasti jenis bahan bercetak yang digemari oleh guru pelatih di maktab **petguruhan**. Dapatan kajian ini juga boleh

dijadikan panduan oleh pihak tertentu, khasnya Pusat Kegiatan Guru (PKG) dalam merangka rancangan bagi membimbing guru dalam memilih dan membina bahan pengajaran pembelajaran.

Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan di Maktab Perguruan Teknik, Kuala Lumpur yang melibatkan guru-guru pelatih semester satu, dua dan tiga dari sebelas opsyen, iaitu Kursus Dalam Perkhidmatan, Sains, Kemahiran Hidup, Prinsip Akaun, Perdagangan, Matematik, Pendidikan Moral, Pendidikan Jasmani, Ekonomi Asas, Ekonomi Rumah Tangga dan Teknologi Maklumat. Kajian ini menumpu pada penggunaan media bercetak di Pusat Sumber Maktab. Sebanyak 27 jenis media bercetak telah disenaraikan dalam kajian. Ini termasuk suratkhabar, majalah, bahan fiksyen, bahan bukan fiksyen, jurnal, risalah, carta, peta, atlas dan bahan-bahan rujukan. Aspek yang diberi perhatian dalam penggunaan media bercetak di Pusat Sumber Maktab ialah kekerapan, jenis, tujuan dan jenis bahasa media bercetak yang digunakan serta masalah penggunaan.

Definisi Istilah

Media Bercetak

Menurut Heinich (1985) media dimaksudkan dengan apa saja benda yang dapat membawa maklumat di antara punca maklumat dengan penerima maklumat. Naim (1990), mendefinisikan media sebagai :

“...termasukan segala jenis ‘ alat ’ yang dapat dijadikan saluran untuk menyampaikan mesej pengajaran; segala alat bantu mengajar dan alat pandang dengar, verbal dan non-verbal yang dapat merangsang pancaindera bagi memahami mesej pengajaran yang disampaikan”.

Rahim (1988) pula menyatakan bahawa media bercetak terdiri daripada buku, majalah, gambar dan gambarfoto, risalah, surat khabar, carta dan graf, peta, buku rujukan dan bahan terbitan berkala am. Daripada bahan bercetak ini tidak semuanya terdiri daripada teks atau tulisan. Ada yang sudah bercampur dengan lakaran, gambarajah, simbol, tanda dan lain-lain bentuk.

Menurut Sharifah (1984), media bercetak dimaksudkan dengan bahan bercetak yang mengandungi maklumat dalam bentuk perkataan, lukisan atau gambarfoto. Media tercetak itu adalah buku teks, buku kerja, buku fiksyen, buku rujukan, majalah, risalah, surat berita, surat khabar dan nota tercetak.

Poh (1996) pula menyatakan media bercetak merupakan bahan dua dimensi yang dicetak sama ada secara mekanikal atau secara elektronik. Media bercetak merangkumi :

- Buku yang mengandungi pengetahuan asas untuk dibaca dan difahami termasuk buku teks, buku nota rujukan, buku latihan, buku fiksyen dan buku

- Penerbitan Berkala yang diterbitkan mengikut kala masa yang tertentu seperti harian, mingguan, bulanan atau tahunan termasuk akhbar, majalah, jurnal dan risalah.

- Bahan rujukan yang mengandungi maklumat penting dan disusun mengikut turutan tertentu supaya dapat dikesan dengan mudah seperti kamus, ensiklopedia, atlas dan buku panduan.

- Bahan Bantuan Pembelajaran yang digunakan oleh pelajar semasa pembelajaran termasuk edaran seperti nota ringkas dan jadual, lembaran kerja, modul dan kad tugasan.

Berdasarkan definisi-definisi yang telah diberikan di atas, bolehlah dirumuskan bahawa media bercetak adalah semua bahan pandang atau visual yang dicetak yang dapat membawa maklumat di antara punca maklumat dengan penerima maklumat.

Guru Pelatih

Guru pelatih ialah individu yang mengikuti latihan perguruan formal di maktab perguruan. Tujuan latihan formal ini ialah untuk membolehkan guru pelatih melengkapkan diri dengan pengetahuan dan pengalaman profesionalisme keguruan dan menghayati tanggungjawab sebagai insan guru yang sentiasa mencari ilmi dan mengamalkannya dalam konteks perkembangan pendidikan negara.

Di samping itu, latihan di maktab juga bertujuan membolehkan guru pelatih memperolehi pengetahuan serta menguasai kemahiran pengajaran pembelajaran mata pelajaran opsyen bagi membolehkan mereka memainkan peranan sebagai

pemudahcara pembelajaran berdasarkan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) atau Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR).

Pada masa yang sama latihan formal ini juga bertujuan membolehkan guru pelatih memperoleh pengetahuan dan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan. Ini akan membentuk insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, jasmani dan emosi serta dapat melahirkan buah fikiran yang bermas, hujah yang jitu dan analitis dan dapat mengaplikasikannya dalam proses pengajaran pembelajaran (Bahagian Pendidikan Guru 1995).

Pusat Sumber

Menurut Davies (1974), Pusat Sumber merupakan sebuah makmal yang mampu menawarkan semua jenis media pengajaran pembelajaran penting bagi memberikan sokongan optimum kepada program pendidikan. Pusat ini memberi peluang kepada pelajar memaksimumkan perubahan yang diterima dan berkebolehan untuk belajar dalam keadaan persekitaran yang unggul.

Amiruddin (1979) mendefinisikan Pusat Sumber sebagai suatu gedung di mana beraneka jenis khazanah ilmu pengetahuan dikumpulkan secara bertulis terutama dalam bentuk buku, jurnal, majalah, risalah dan akhbar serta suatu gedung yang menghimpun, menyusun dan meminjamkan berbagai bahan dan alat untuk memperkayakan dan mempertinggikan pengalaman serta taraf pengajian individu.

Dengan lain perkataan, Pusat Sumber ialah satu unit yang bertugas mengumpul, memilih, menyusun, menyebarkan dan menggunakan maklumat, alat serta bahan pengajaran pembelajaran sama ada dalam bentuk buku atau bukan buku dengan cara yang aktif lagi berkesan.

Rahim (1982) pernah menyatakan bahawa Pusat Sumber adalah “integrasi antara perpustakaan buku dengan perkhidmatan pandang dengar, menjadi satu unit yang bersepadu”. Wehmeyer (1984) pula menyatakan bahawa pusat sumber ialah sebuah persekitaran pendidikan dan bukan hanya sebagai sambungan kepada bilik darjah. Ia juga bukan hanya sebuah pusat untuk mendapatkan maklumat semata-mata, tetapi seharusnya menyediakan pengalaman yang estetik dan kreatif serta menyediakan keadaan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai untuk pelajar mengembangkan tanggungjawab mereka sebagai individu dan ahli masyarakat.

Sharifah (1986) melihat Pusat Sumber sebagai pusat menyimpan dan memberi perkhidmatan tentang pelbagai sumber pengajaran pembelajaran bercetak dan bukan bercetak yang dapat membantu proses pengajaran pembelajaran. Menurut Kassim (1989) pula, Pusat Sumber adalah:

“Pusat yang mengumpul / menyalurkan berbagai maklumat dalam beberapa bilik / bangunan khas yang diuruskan secara sistematik oleh kakitangan media yang terlatih untuk memberi berbagai perkhidmatan bagi mempertingkatkan mutu pengajaran pembelajaran”.

Pendapat ini disokong oleh Samsiah (1990) yang melihat Pusat Sumber sebagai sebuah agensi yang berfungsi untuk mengumpul, menyimpan, mengeluarkan dan menyebarkan maklumat. Bagi Kamal (1991), Pusat Sumber bermaksud satu tempat

terkumpulnya segala bahan yang boleh digunakan untuk membantu proses pengajaran pembelajaran setiap anggota di sekolah.

Berdasarkan definisi di atas dapatlah disimpulkan bahawa Pusat Sumber adalah sebuah pusat aktiviti bersepadau antara guru dan pelajar di institusi pendidikan yang mempunyai ruang khas dan koleksi pelbagai bahan pengajaran pembelajaran yang diuruskan secara sistematis. Ini bertujuan memenuhi keperluan guru dan pelajar dalam mencapai pendidikan yang bermutu dan cemerlang.

Pusat sumber bukanlah satu tempat atau pun satu koleksi bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran. Pusat Sumber adalah salah satu sistem perkhidmatan untuk membolehkan semua pihak institusi pendidikan mencapai matlamat kurikulumnya. Pusat Sumber lebih merupakan satu punca segala pergerakan dan aktiviti ke arah melaksanakan kaedah pengajaran pembelajaran yang lebih berkesan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990).

BAB II

TINJAUAN BAHAN - BAHAN BACAAN

Dalam bab ini, perbincangan ditumpukan kepada aspek tinjauan bahan-bahan bacaan tempatan dan luar negara berdasarkan kepada empat bahagian utama, iaitu:

- 1. Sorotan bacaan tentang maklumat, tujuan dan objektif Pusat Sumber.**
- 2. Sorotan bacaan tentang perkaitan penggunaan Pusat Sumber dan proses pengajaran dan pembelajaran.**
- 3. Sorotan bacaan tentang tujuan pelajar menggunakan Pusat Sumber.**
- 4. Dapatan kajian-kajian lalu berhubung dengan masalah dalam penggunaan Pusat Sumber.**

Pengenalan

Pusat Sumber merupakan sumber maklumat utama di mакtab untuk para guru pelatih. Guru pelatih dapat melakukan kerja-kerja membaca, merujuk dan meminjam segala media yang terdapat dalam pusat ini untuk tujuan pengajaran pembelajaran. Menerusi Pusat Sumber ini, potensi yang ada pada guru pelatih dapat dipupuk dan dikembangkan selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara yang menjurus ke arah pendidikan seumur hidup (Mok 1992). Sehubungan itu sebuah institusi pembelajaran dapat diwujudkan (Zahid 1993). Pusat Sumber Maktab umumnya dilengkapi dengan media bercetak seperti surat khabar, majalah, kamus, ensiklopedia, bahan fiksyen, bahan bukan fiksyen dan seumpamanya. Media bercetak merupakan bahan asas dalam Pusat Sumber dan akan terus kekal sebagai sumber penting dalam pendidikan walaupun menghadapi revolusi teknologi (Brown, Lewis & Marcleread, 1977). Kekerapan penggunaan media bercetak oleh guru pelatih pasti dapat mencapai objektif Kurikulum Kursus Perguruan yang bertujuan menggalakkan perkembangan individu dari segi pendidikan seumur hidup dan pemupukan budaya ilmu bagi memenuhi hasrat Wawasan 2020 (Kementerian Pendidikan Malaysia 1990).

Menurut Shaham & Yitzhaki (1991), isu penting dalam setiap Pusat Sumber adalah dari segi penggunaan. Mereka menyatakan bahawa penggunaan bahan-bahan di Pusat Sumber dapat meningkatkan amalan membaca dan kemahiran mendapatkan maklumat. Ini akan membantu membawa perubahan kepada proses

pengajaran pembelajaran daripada menekankan “teacher-led information” kepada “student-led independent learning.” (Asiah 1990).

Matlamat Pusat Sumber

Pusat Sumber yang lengkap dengan bahan pengajaran pembelajaran yang relevan dengan perkembangan sains dan teknologi adalah amat berguna kepada institusi pendidikan. Mengikut Amiruddin (1989), antara matlamat yang utama mengadakan Pusat Sumber di maktab perguruan adalah seperti berikut:

1. Menggalakkan dan menanamkan sifat suka membaca dan belajar secara bersendirian di kalangan guru pelatih.
2. Menggalakkan penggunaan bahan pengajaran pembelajaran yang berkesan dari berbagai sumber di kalangan guru pelatih dan pensyarah.
3. Menyediakan kemudahan perkhidmatan yang lengkap dari segi proses pengajaran pembelajaran.
4. Meninggikan mutu dan kualiti pendidikan.
5. Memberikan latihan kepada guru pelatih dan pensyarah mengenai kegunaan berbagai bahan bantu balajar yang boleh menambahkan ilmu pengetahuan.

6. Membantu guru pelatih dan pensyarah dalam usaha menghasilkan dan menilai berbagai alat dan bahan pengajaran pembelajaran.

7. Melatih guru pelatih menggunakan pengamatan dan deria mereka sendiri selaras dengan pertumbuhan pemikiran individu, dan bertindak dengan dunia luar secara yang teratur dan penuh keyakinan.

8. Memberikan kesedaran di kalangan guru pelatih dan pensyarah bahawa tugas memperbaiki dan meningkatkan taraf pengajaran pembelajaran adalah tugas bersama yang harus dilaksanakan secara kolektif.

Tujuan Dan Objektif Pusat Sumber

Malcolm Shifrin, Ketua Perkhidmatan Perpustakaan Pusat Resos, Inner London Education Authority (1986) telah menggariskan objektif dan tujuan Pusat Sumber seperti berikut:

1. Untuk menambahkan penggunaan secara berkesan berbagai jenis sumber bahan dalam rancangan pembelajaran.

2. Untuk memenuhi keperluan kurikulum rancangan latihan guru secara bersepadu.